



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 5 JANUARI 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	PESAWAH GESA KERAJAAN KAJI PUNCA PADI TAK MENJADI, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -12	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
2. 3.	ANJING BARANG KES HADIR, TERTUDUH TAK HADIR, NEGARA, KOSMO -11 PRIHATIN NASIB SI BULUS JALANAN, LOKAL, HARIAN METRO -20	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
4. 5. 6.	KAWASAN PEMBIAKAN BENIH KERANG AKAN DIWARTAKAN, DALAM NEGERI, HARIAN METRO -30 KAWASAN BENIH KERANG DIWARTAKAN, NEGARA, KOSMO -16 APMM BONGKAR AKTIVITI BOM IKAN, RAMPAS BAHAN LETUPAN, NEGARA, KOSMO -18	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7. 8. 9. 10.	TIGA PENGARAH, KERANI DIREMAN SPRM, NEGARA, KOSMO -9 EMPAT INDIVIDU DIREMAN SPRM, MUKADUA, BERITA HARIAN -2 AYAM UKRAINE BONGKAR KEGIATAN, LOKAL, HARIAN METRO -7 MACC STUDYING FIRM'S DOCUMENTS, NEWS/NATION, NST -5	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
11. 12. 13.	PENTERNAK RUGI RM60,000, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -12 INOVASI BERTANI GUNA 'KOTAK FERTIGASI', GAYA TANI, UTUSAN MALAYSIA -24 JANA PENDAPATAN TAMBAHAN, GAYA TANI, UTUSAN MALAYSIA -25	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Pesawah gesa kerajaan kaji punca padi tak menjadi



**DUA pesawah, Sukri Ismail (kiri) dan Mohd. Farhan Md. Saufi menunjukkan padi yang dituai terpaksa dibuang akibat rosak di Kampung Padang Balai, Kuala Nerang. Padang Terap baru-baru ini. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN**

**PADANG TERAP:** Pesawah padi di daerah ini menggesa Jabatan Pertanian membuat kajian terperinci bagi mengenal pasti punca berlakunya serangan serangga dan padi angin di kawasan tersebut.

Memurut pesawah, langkah itu perlu dilakukan segera bagi mengelakkan mereka terus menanggung kerugian, mungkin lebih besar pada musim hadapan.

Pengerusi Pertubuhan Pelandang Kawasan (PPK) Kuala Nerang, Datuk Abd. Lateh Mohd. Saman berkata, kebanyakan sawah padi terbabit terletak di kawasan Kuala Nerang dan Naka.

"Maklumat awal diterima, masalah tersebut berlaku se-

lepas pokok padi di kawasan itu mengeluarkan bunga ketika musim hujan dan tidak mendapat cahaya matahari yang cukup.

"Keadaan itu menyebabkan buah padi mudah diserang serangga dan berlaku padi angin," katanya ketika dihubungi semalam.

Utusan Malaysia pada 1 Januari lalu melaporkan kira-kira 80 pesawah yang mengusahakan tanaman padi di kawasan Uni PPK Padang Balai, Kuala Nerang di sini kerugian apabila tidak dapat memasarkan padi dituai yang diserang serangga dan padi angin.

Mereka mendakwa, ekoran masalah tersebut, hasil sawah

di kawasan seluas lebih 80 hektar itu terpaksa dipotong tinggi sehingga 70 hingga 80 peratus oleh pengilang pada musim ini.

Jumlah pesawah yang menjadi ahli PPK di daerah ini ialah 2,799 orang yang melibatkan kawasan seluas 4,655 hektar.

Abd. Lateh meminta pesawah yang terlibat melaporkan kepada Jabatan Pertanian mengenai kejadian tersebut dan jumlah kerugian untuk tindakan lanjut.

Beliau menambah, pihaknya juga mengharapkan pihak kerajaan dapat menyalurkan bantuan kepada pesawah terlibat bagi meringankan beban mereka selepas kehilangan pendapatan pada musim ini.

## Anjing barang kes hadir, tertuduh tak hadir

**SEBERANG PERAI** – Mahkamah Sesyen Butterworth di sini semalam mengeluarkan waran tangkap ke atas seorang pekerja sambilan lelaki kerana tidak hadir bagi berdepan pertuduhan kerana menganiaya anjing peliharaannya pada Mac tahun lalu.

Menurut Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri, pihaknya dimaklumkan tertuduh yang berusia 51 tahun tidak dapat hadir kerana terlibat dalam kemalangan jalan raya semalam dan mengalami kecederaan, namun memberitahu akan menghantar wakilnya.

Bagaimanapun, wakilnya juga gagal hadir menyebabkan Pegawai Pendakwa Roziman Awang Tahrin memohon mahkamah mengeluarkan waran tangkap ke atas tertuduh.

Hakim Noor Aini Yusof kemudiannya membenarkan permohonan itu dan menetapkan tarikh sebutan semula kes pada 4 Februari depan.

Lelaki itu dijangka berdepan pertuduhan mengikut Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang jika didapati bersalah boleh didenda tidak kurang RM20,000 dan tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya.

Sementara itu, anjing berkenaan sebagai barang kes turut dibawa ke mahkamah tersebut oleh pihak JPV.

Dalam kejadian pada 16 Mac tahun lalu, tertuduh dipercayai menganiaya anjing peliharaannya dengan memukul, mencekik dan melemparkan haiwan itu ke dinding hingga mengalami kesakitan di rumahnya di Taman Sentosa, Nibong Tebal di sini.

Kejadian kira-kira pukul 11.25 pagi itu disedari jiran tertuduh yang turut merakam video dan melaporkan kepada JPV.

Wakil JPV kemudiannya telah ke lokasi kejadian bagi siasatan lanjut dan menyelamatkan anjing baka tempatan berwarna putih itu,



**WAKIL JPV** membawa anjing yang menjadi mangsa penganalayaan oleh pemiliknya di Mahkamah Sesyen Butterworth, Seberang Perai semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/1/2021	HARIAN METRO	LOKAL	20



AHLI kumpulan Black Cat Rembau menyantuni kucing jalanan di sekitar pekan Rembau dan Chembong.

Oleh Mohd Amin Jalil  
am@hmetro.com.my

### Rembau

**P**rihatin dengan nasib kucing jalanan, kumpulan Black Cat Rembau (BCR) yang dianggotai 10 ahli sanggup berbuat apa sahaja untuk menyelamatkan binatang itu di sekitar pekan ini.

Selain memberikannya makan, kucing jalanan terbiar yang sakit, cedera dan cacat, ahli kumpulan ini akan membawanya pulang untuk tujuan pemulihan dan mereka yang berminat untuk membelanya juga akan diberikan pertimbangan.

Ketua Black Cat Rembau Khairul Azli Abdul Kahar, 42, berkata, pihaknya membelanjakan RM1,000 sebulan bagi membeli makanan kucing dan membawa binatang itu ke klinik atau Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan bagi mendapatkan rawatan bagi

# Prihatin nasib si bulus jalanan

## BCR penyelamat kucing di sekitar Rembau

kucing yang sakit atau cedera.

"Terdapat lebih 100 kucing jalanan di sekitar pekan Rembau dan Chembong yang memerlukan perhatian, tambahan pula dalam keadaan cuaca kerap hujan ketika ini.

"Saya bersama rakan-rakan mengambil inisiatif untuk memastikan binatang kesayangan Rasulullah ini diberikan perhatian.

"Kami tidak pernah memandang rendah ke atas kucing jalanan walaupun ia terbiar serta mengalami pelbagai masalah kesihatan kerana pembelaan sewajarnya



perlu diberi kepada haiwan berkenaan supaya terus hidup," katanya.

Menurutnya, aktiviti memberi makanan kepada kucing jalanan itu dilakukan jam 8 hingga 11.30 malam iaitu selepas mereka selesai melaksanakan urusan kerja harian.

Katanya, pihaknya men-

dapat sokongan orang ramai yang menghulurkan dana bagi menampung keperluan membeli makanan dan susu kucing.

"Kucing yang kurang sihat akan dibawa ke klinik untuk rawatan. Bagi mereka yang ingin membelanya, boleh memilih namun kucing berkenaan akan dikuarantin di tempat khas di Pedas selama seminggu bagi memastikan tahap kesihatan terbaik," katanya.

Khairul Azli berkata, usaha amal itu digerakkan sejak April tahun lalu sebagai tanda keprihatinan terhadap binatang itu.

## Kawasan pembiakan benih kerang akan diwartakan

**SHAH ALAM:** Kawasan yang menjadi tempat pembiakan benih kerang akan diwartakan sebagai langkah mencegah aktiviti mencuri benih hidupan laut itu oleh sindiket.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur, Kemudahan Awam, Permodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Ir. Izham Hashim berkata, pewartaan kawasan itu melibatkan pantai di bahagian utara negeri ini yang bermula dari Kuala Selangor hingga Sabak Bernam.

Menurut beliau, usaha mewartakan kawasan pembiakan kerang itu akan dilakukan dalam masa terdekat bagi memudahkan tindakan bersepadu dalam menangani aktiviti kecurian.

"Kegiatan mencuri dan menyeludup benih kerang ini bukan perkara baharu oleh pihak tidak bertanggungjawab.

"Benih-benih kerang yang hidup secara semula jadi di pantai utara negeri ini bermula dari Kuala Selangor ke Sabak Bernam sangat bermutu dan boleh mencapai harga yang tinggi jika dijual dalam pasaran negara Thailand," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Terdahulu akhbar melaporkan penternak kerang di pesisir Pantai Sungai Lemman, Sekinchan berdepan ancaman aktiviti mencuri benih kerang yang didakwa dilakukan sindiket yang menggunakan bot roto.

Sindiket didakwa didalangi penduduk tempatan dari luar kawasan tersebut difahamkan akan menyeludup benih yang dicuri itu ke Thailand dan kira-kira 70 bot roto akan berada di perairan untuk mencuri benih kerang.

"Kita bekerjasama dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebagai tindakan penguatkuasaan," ujarnya.



**BOT roto yang digunakan sindiket mencuri benih kerang menjadi ancaman kepada penternak kerang di sekitar Sekinchan.**

# Kawasan benih kerang diwartakan

Oleh **NOR AZIHAN MD. GHAZALI**

**SHAH ALAM** – Kawasan pembiakan benih kerang di negeri ini akan diwartakan dalam masa terdekat bagi mencegah aktiviti mencuri dalam kalangan sindiket.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor, Ir. Izham Hashim berkata, ini melibatkan kawasan pantai bermula dari Kuala Selangor hingga Sabak Bernam yang menjadi lubang pembenihan kerang secara semula jadi.

Katanya, pewartaan itu mampu memastikan tindakan lebih bersepadu dan keras dikenakan

kepada mereka yang tidak bertanggungjawab.

“Isu ini bukan perkara baharu dan kita sentiasa memantau kerana ia bukan sahaja menjejaskan lubang benih kerang, malah habitat cengkerang yang lain.

“Benih-benih kerang terutama dari Kuala Selangor ke Sabak Bernam mempunyai mutu yang tinggi kerana hidup semula jadi dan mencapai harga tinggi sekiranya dijual di pasaran Thailand,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

*Kosmo!* sebelum ini melaporkan penternak kerang di pesisir Pantai Sungai Leman, Sekinchan berdepan ancaman aktiviti mencuri benih kerang didakwa dilakukan sindiket yang menggu-

nakan bot roto.

Sindiket didakwa didalangi penduduk tempatan dari luar kawasan tersebut difahamkan akan menyeludup benih yang dicuri itu ke Thailand.

Mengulas lanjut, Izham menegaskan, tindakan penguatkuasaan sentiasa dilakukan Jabatan Perikanan Selangor bersama Maritim Malaysia dan Polis Diraja Malaysia dalam memastikan khazanah laut itu tidak diseludup keluar sehingga merugikan pendapatan negeri ini khususnya.

“Saya akui bot yang digunakan sindiket itu memudahkan pergerakan mereka terutama di kawasan pantai cetek yang dalam mengaut benih kerang itu,” katanya.

# APMM bongkar aktiviti bom ikan, rampas bahan letupan

**KOTA KINABALU** – Tindakan dua lelaki yang menangkap ikan menggunakan kaedah bom ikan membawa padah apabila kegiatan itu dikesan sepasukan anggota Maritim Malaysia (APMM) di perairan Tanjung Saban di sini kelmarin.

Kegiatan tidak bertanggungjawab itu dikesan di kedudukan 0.12 batu nautika selepas bot ronda APMM mengesan kehadiran sebuah bot pam berwarna merah dalam keadaan mencurigakan.

Pengarah Maritim Sabah dan Labuan, Laksamana Pertama Maritim Datuk Mohd. Rosli Abdullah berkata, pasukan kemudiannya bertindak menahan bot terbabit yang disyaki melakukan aktiviti mengebom ikan di kawasan perairan barat Tanjung Saban.

"Ketika bot ronda maritim cuba menghampiri, dua suspek lelaki yang berada di bot berkenaan telah memecut laju ke arah pantai berdekatan.

"Anggota kita terus mengejar sebelum suspek bertindak terjun ke laut meninggalkan bot mereka," katanya di sini semalam.

Menurut beliau, hasil pemeriksaan lanjut ke atas bot tersebut menemui pelbagai peralatan menyelam tradisional serta bom ikan.



**BOT pam yang digunakan untuk aktiviti mengebom ikan di perairan Tanjung Saban, Kota Kinabalu.**

Katanya, bot pam terbabit ditahan dan dibawa masuk ke Jeti Maritim Sepanggar dan diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk tindakan lanjut.

"Selain bot pam, kita turut merampas pelbagai barangan seperti enjin pam, kompresor, satu gulung hos menyelam, dua



**BOTOL mengandungi bahan letupan yang telah diubah suai oleh dua suspek.**

botol bom ikan dan cermin mata menyelam," tambahnya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 26, Akta Perikanan 1965 iaitu menangkap ikan menggunakan bahan letupan dan racun yang jika sabit kesalahan, pesalah boleh dikenakan denda di bawah Seksyen 25 (a).

Empat individu disiasat berkait kes kartel daging

# Tiga pengarah, kerani direman SPRM

Oleh KHAIRUL MOHD. ALI

**JOHOR BAHRU** – Tiga pengarah dua buah syarikat dan seorang kerani ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor berhubung kegiatan kartel daging sejuk beku import yang menipu logo halal.

Tiga lelaki dan seorang wanita yang berusia antara 39 hingga 50 tahun itu, ditahan ketika hadir ke pejabat SPRM Johor pada pukul 5 petang kelmarin.

Pihak SPRM kemudian mendapatkan perintah reman selama empat hari bermula semalam hingga Khamis ini di Mahkamah Majistret Johor Bahru.

Perintah reman itu dikeluarkan Penolong Pendaftar, Nur Izaty Muhammad Zahari.

Sementara itu, Pengarah SPRM Johor, Datuk Azmi Alias berkata, kesemua mereka terlibat dalam syarikat yang melakukan import dan borong.

“Siasatan terhadap suspek dibuat mengikut Seksyen 17B



**EMPAT** individu direman bagi membantu siasatan kes kartel daging sejuk beku import yang menipu logo halal di Johor Bahru semalam. – BAZLAN IBRAHIM

Akta SPRM 2009,” katanya ketika dihubungi semalam.

Pada 2 Disember lalu, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis)

mendedahkan kegiatan membawa masuk daging sejuk beku import tanpa siji halal sebelum meletakkan logo halal palsu untuk dijual di pasaran tempatan.



Isu kartel daging import

# Empat individu direman SPRM

Pengarah, tiga pekerja sebuah syarikat ditahan bantu siasatan

Oleh Mohamed Farid Noh dan Nor Azizah Mokhtar  
 bhnews@bh.com.my

**Johor Bahru:** Seorang pengarah dan tiga pekerja sebuah syarikat pengimport daging sejuk beku di sini, direman empat hari bermula semalam.

Perintah reman dikeluarkan Penolong Pendaftar Mahkamah Majistret Johor Bahru, Nur Izzaty Muhamad Zahari, selepas Suruhanjaya Penecegaran Resuah Malaysia (SPRM) Johor membuat permohonan bertenaan, pagi semalam.

Pengarah SPRM Johor, Datuk Azmi Alias, ketika dihubungi berkata, mereka yang direman ber-rusia antara 39 hingga 50 tahun.

"Empat yang direman berkenaan membabitkan pengarah, pengarah operasi, kerani syarikat daging sejuk beku serta seorang lagi pengarah syarikat lain.

"Mereka ditahan di pejabat SPRM Johor malam tadi (kelmarin) bagi membantu siasatan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009," ka-



Empat individu dibawa ke Mahkamah Majistret Johor Bahru, semalam. (Foto Zain Ahmed/BH)



**Empat yang direman berkenaan membabitkan pengarah, pengarah operasi, kerani syarikat sebuah syarikat pengimport daging sejuk beku serta seorang lagi pengarah syarikat lain.**

Azmi Alias, Pengarah SPRM Johor

rius perkara itu yang membabitkan isu kepentingan rakyat khususnya umat Islam di negara ini.

Media sebelum ini melaporkan isu kartel daging import diper-cayal membawa masuk daging yang diragui status halal.

tan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQ(S) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dalam menjalankan siasatan menyeluruh berkenaan isu kartel daging import.

Katanya, SPRM memandangi se-

tanya, semalam.

Azmi berkata, SPRM akan bekerjasama dengan beberapa agensi lain termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP), Jabatan Veterinar, Jaba-

Oleh Mohd Jamilul  
Anbia Md Danjir,  
Mohamed Farid Noh dan  
Hazri A Bakar  
anbia@yahoo.com.my

Jobor Bahru

**P**enemuan ayam beku diimport dari Ukraine di gudang simpanan sebuah syarikat di Johor membongkar kegiatan empat individu termasuk seorang pengarah syarikat yang dipercayai terlibat dalam isu kartel daging import.

Negara Ukraine bukan negara diiktiraf bagi pengimportan daging ke negara ini berdasarkan senarai dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

## ISU KARTEL DAGING IMPORT

# Ayam Ukraine bongkar kegiatan

KPDNHEP serbu gudang milik syarikat didaftarkan di Ulu Tiram

Semua ayam beku berkenaan dirampas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia (KPDNHEP) dalam satu serbuan baru-baru ini.

Syarikat itu yang didaftarkan di Ulu Tiram di sini, beroperasi sejak 12 Oktober 2014 dan menjalankan per-

niagaan mengimport dan mengedar produk daging beku.

Rampasan ayam beku itu dilakukan KPDNHEP di gudang mereka di Senai, dekat sini.

Memu-

rut sumber, syarikat berkenaan mempunyai dua pengarah warga tempatan dan seorang daripada pengarah sudah dikatakan sudah melarikan diri di percaya sejak kes kartel import daging

terbongkar.

Pengarah berkenaan yang berusia 42 tahun memiliki saham terbesar dalam syarikat ini.

Sebelum ini media mendedahkan kegiatan kartel yang mendalangi penyeludupan daging import dari negara sumber tidak sah termasuk yang diragui sta-

tus halal dan kualitinya, dipercayai 'membeli' sesetengah kakitangan kerajaan, termasuk pegawai kanan agensi tertentu bagi melepasi pemeriksaan di pintu masuk negara.

Kartel didakwa mempunyai 'orang dalam' di semua peringkat prosedur dan pemeriksaan di pintu masuk menyebabkan mereka 'kebal' sehingga mampu beroperasi lebih 40 tahun tanpa dikenakan sebarang tindakan.

Mengikut laporan awam yang diperoleh dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), syarikat itu merekodkan perolehan RM100 juta bagi tahun kewangan 2018 selain memiliki aset bernilai RM19 juta.

Ukraine bukan negara diiktiraf bagi pengimportan daging ke negara ini



ANGGOTA SPRM mengiringi empat individu sebuah syarikat pengimport daging sejuk beku ke Mahkamah Majistret Johor Bahru untuk dapatkan tahanan reman, semalam.

**Putrajaya:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor menahan empat individu membabitkan pengarah, pengarah operasi serta kerani syarikat pengimport daging sejuk beku kerana disyaki terlibat rasuah berhubung isu penyeludupan bahan mentah sejuk beku dari negara yang dilarang untuk dibawa masuk ke Malaysia.

Sumber berkata, semua suspek berusia antara 39 hingga 50 tahun terbabit ditahan di pejabat SPRM Johor malam kelmarin bagi membantu siasatan.

"SPRM memandang serius perkara ini kerana ia membabitkan isu kepenti-

## Empat suspek ditahan

ngan rakyat khususnya umat Islam di negara ini.

"Siasatan dijalankan mengikut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Kerjasama beberapa agensi seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Majis) dan Kastam Diraja Malaysia (KDRM) sudah diperolehi untuk mengenal pasti pengimport daging-daging berkenaan," katanya.

Sosulan itu empat indi-

vidu terbabit dikenakan perintah reman selama empat hari oleh Mahkamah Majistret Johor Bahru, bermula semalam.

Perintah reman hingga 7 Januari itu dikeluarkan Penolong Pendaftar Mahkamah Majistret Johor Bahru, Nur Izzaty Muhammad, yang membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membolehkan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Dua lelaki dan seorang wanita yang ditahan adalah

pengarah, pengarah urusan dan kerani dari sebuah syarikat yang diwakili peguam Wan Muhd Ariff Ameer Wan Normazlan manakala seorang lagi lelaki adalah pengarah syarikat lain yang diwakili peguam Yap Che Kai.

Kesemua mereka yang berpakaian baju lokap SPRM berwarna oren tiba di perkarangan mahkamah kira-kira 9 pagi diiringi pegawai SPRM dengan menaiki kenderaan SPRM.

Sementara itu, Pengarah SPRM Johor Datuk Azmi Alias ketika dihubungi mengesahkan tangkapan itu.

## Rampas dokumen pengimportan

**Putrajaya:** "Beberapa siri serbuan sudah dilakukan kami sejak dua minggu lalu. Rampasan turut dilakukan ke atas dokumen pengimportan daging dilakukan sebuah syarikat bermula tahun 2015," kata Timbalan Ketua Pesuruhjaya Operasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya.

Menurutnya, SPRM akan mengkaji semua dokumen dan akaun syarikat itu dalam usaha mengesan keseluruhan dalang termasuk anggota penguat kuasa yang terbabit dalam melindungi kegiatan ini.

Beliau mengulas tindakan SPRM menahan empat individu membabitkan pengarah, pengarah operasi serta kerani syarikat pengimport daging sejuk beku berhubung isu rasuah dalam kes penyeludupan bahan mentah daging sejuk beku yang dikatakan dibawa masuk secara tidak sah daripada beberapa negara yang tidak mendapat kelulusan pihak berkuasa.

Beliau berkata, tumpuan siasatan SPRM adalah terhadap dua aspek iaitu pertama berhubung kesalahan mengemukakan pengisytiharan palsu dalam borang Kastam 1 oleh syarikat pengimport dan ejen yang mengendalikan kemasukan bahan mentah sejuk beku ini.

"Aspek kedua ialah meneliti dan mengkaji sebarang bentuk pembayaran rasuah melalui akaun syarikat yang terbabit.

"Dalam setiap penyiasatan kami, elemen kerahsiaan dan kejutan amat penting. Sekiranya sesuatu kes

mendapat pendedahan yang luas di media massa, ia seolah-olah memberi peluang kepada mereka (perasuah dan pemberi) melupuskan semua bukti serta keterangan yang ada," katanya kepada wartawan Harian Metro.

Beliau berkata, tindakan berdiam diri bukan bermaksud agensi yang terbabit dalam penyiasatan kes ini tidak mengambil tindakan, sebaliknya pengumpulan bukti dan keterangan memerlukan masa dan penganalisaan yang teliti. "Kalau kita terlalu membincangkan isu ini dalam media, maka ianya akan merumitkan penyiasatan dan memberikan persepsi negatif masyarakat," katanya.



AHMAD (Khusairi)

## MEAT CARTEL INVESTIGATION

# MACC STUDYING FIRM'S DOCUMENTS

Graft busters seized papers from meat import company 2 weeks ago, says deputy chief commissioner

## KUALA LUMPUR

**A**LL related documents belonging to a frozen meat import company, believed to be involved in the halal meat cartel issue, were seized two weeks ago, said Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) deputy chief commissioner (Operations) Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya.

He said the MACC would go through the documents, which

date back to 2015, and the company's accounts to track down the mastermind, including enforcement personnel involved in protecting the activities.

"The case is being investigated under Section 18 and Section 17 (a) of the MACC Act," he said yesterday.

When asked to comment on the detention of two directors and two employees of frozen meat import companies, Khusairi said the food items were imported illegally.

"The focus of the MACC investigation is on two aspects. The first one is the offence of submitting false declarations in Customs Form 1 by the import company and agents handling the process.

"The second aspect is to examine if there was any form of corruption, such as money being paid through the accounts of the company involved," he said.

He said in every MACC inves-

tigation, elements of secrecy and surprise were crucial if a case received widespread media exposure.

"It (media exposure) gives them (bribe giver and receiver) a chance to dispose of all the evidence.

"Being quiet does not mean that the agencies involved in the investigation are not taking any action as collecting evidence requires time and analysis."

Khusairi said if the MACC "discussed" this issue too much with the media, it would complicate the investigation and give a negative perception to the community.

The *New Straits Times* recently front-paged a report on senior government officers working

with a cartel to smuggle in non-certified meat into Malaysia and passing it off as halal-certified products.

Believed to have been active for over 40 years, the cartel imported meat from non-halal certified slaughterhouses in several countries.

Once shipped into Malaysia, the meat would be taken to a warehouse where it would be mixed with halal-certified meat and repacked with fake halal logos before entering the market.

Last month, Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin had ordered a special report on the scandal to be submitted to the government.

Muhyiddin's instruction was disclosed by Malaysian Quarantine and Inspection Services Department director-general Saiful Yazan Alwi during the *Ruang Bicara* programme on Bernama TV.

Muslim consumers and traders' groups have since urged people to refrain from buying imported beef until questions over the halal status are resolved.

Malaysia Muslim Consumers Association lead activist Datuk Nadzim Johan had last month claimed that based on insider information, those in the meat cartel had a hand in policy-making, with the latter pushing against breeding cows locally.

This move, he said, had led to Malaysia being heavily reliant on imported beef.

The association welcomed calls for the setting up of a Royal Commission of Inquiry on the issue. *Bernama*



Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya

## 4 held over alleged connection to meat cartel

**JOHOR BARU:** The Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) has arrested four people over their alleged links to a meat cartel.

The suspects, aged between 30 and 50, comprised two directors and an employee of an import company, as well as a director of another company.

"The suspects have been remanded for four days starting today (Monday)," said Johor MACC director Datuk Azmi Alias.

He said Lower Court registrar Nur Izzaty Muhammad Zahari is-

sued the remand orders for the suspects.

"The case is being investigated under Section 17b (offering/giving gratification) of the Malaysian Anti Corruption Commission Act 2009," said Azmi.

Three of the suspects — two men and a woman who are the director, managing director and a clerk of one of the companies — are represented by lawyer Wan Muhd Ariff Ameer Wan Normazlan.

Lawyer Yap Che Kai is representing the director of the other company.



The meat cartel suspects being led to the magistrate's court in Johor Baru yesterday. PIC BY ZAIN AHMED

	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISTIAK
Metaka	6:04	7:17	1:19	4:42	7:18	8:32
Penang	6:17	7:28	1:26	4:48	7:20	8:35
K. Lumpur	6:09	7:20	1:22	4:44	7:19	8:33
Johor Baru	5:56	7:10	1:13	4:36	7:13	8:27
Kuantan	6:02	7:15	1:16	4:39	7:13	8:23
Ipoh	6:13	7:23	1:24	4:47	7:19	8:34

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/1/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12

Ketika agih bantuan kepada mangsa banjir, premis sendiri dimasuki air

## Penternak rugi RM60,000

Oleh **KHAIRUL MOHD. ALI**  
 utusannews@mediamulia.com.my

**JOHOR BAHRU:** Ketika leka mengagihkan bantuan kepada mangsa banjir di Kangkar, Tebrau, rupanya kedai sendiri dimasuki air.

Itulah ujian dilalui pemilik Osman Goat Farm yang terpaksa menanggung kerugian kira-kira RM60,000 selepas premisnya ditenggelami air sedalam 1.2 meter.

Pengaruh Urusannya, Osman Cheya Kutty berkata, kejadian berlaku betul-betul ketika beliau sedang menyampaikan makanan kepada 600 penduduk di kawasan Kangkar, pada pukul 11 pagi kelmarin.

"Air yang masuk ke premis di sini menyebabkan stok daging, produk susu dan makanan kambing rosak," katanya di sini semalam.

Turut rosak perkakasan elektrik dan perabot di pejabat serta surau.

Menurut beliau, turut terjejas 200 kilogram (kg) daging kambing tempatan dan biri-biri serta 400 botol susu segar.

"Kami tiada pilihan selain membuang kesemuanya kerana khuatir dicemari kuman dan berbahaya untuk dijual," katanya.

Difahamkan, daging kambing tempatan segar di premis itu dijual pada harga RM60 sekilogram, manakala daging kambing biri-biri RM50 sekilogram.



**PEMILIK Osman Goat Farm, Osman Cheya Kutty menunjukkan dagingnya yang rosak dimasuki air dan terpaksa dibuang semalam.**

Sementara itu, palet dedak makanan kambing seberat 50kg dijual pada harga RM52 manakala sebotol 500 mililiter susu segar dijual RM8.

Katanya, sejak 31 tahun lalu, ini kali kedua premisnya dilanda banjir hingga mengakibatkan kerugian besar, dengan kali terakhir berlaku pada tahun 2006.

"Pada 2006, kejadian banjir lebih teruk sehingga kami menanggung kerugian lebih RM100,000 selepas kira-kira 40 ekor kambing mati lemas kerana ketika itu, kandang kambing berada di kawasan rendah.

"Selepas itu kami menempatkan kandang di tempat lebih tinggi bagi mengelakkan keru-

gian setiap kali berlaku banjir akibat limpahan air Sungai Tebrau," ujarnya.

Kejadian banjir dua hari lalu memaksa seramai 296 penduduk daripada 76 keluarga di kawasan Mukim Kangkar Tebrau dipindahkan ke pusat pemindahan sementara di Sekolah Kebangsaan Bukit Mutiara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/1/2021	UTUSAN MALAYSIA	GAYA TANI	24



**MOHAMAD** Noralam Sahroni (tengah) memberi penerangan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mustapa Mohamed (kiri) tentang kaedah bertani 'kotak fertigasi'. - UTUSAN/MASTURAH SURADI

Oleh **MASTURAH SURADI**  
 utusannews@mediamula.com.my

**P**ENGALAMAN sembilan tahun dalam bidang fertigasi menjadi pencetus idea bagi seorang belia juga generasi kedua FELDA Semenchu, Kota Tinggi di Johor membantu warga peneroka dalam meningkatkan pendapatan melalui kaedah bertani secara moden yang mudah.

Buktinya apabila seramai 50 peserta pertama dari Program Pembangunan Peneroka (PPP) FELDA di kampung berkenaan berjaya menjadi perintis melalui kaedah tanaman cili secara 'kotak fertigasi'.

Pencetusnya, Mohamad Noralam Sahroni, 40 berkata, 'kotak fertigasi' ini adalah yang pertama di Malaysia dan golongan peneroka serta penerokawati FELDA adalah yang terawal menggunakan sistem tersebut.



**Alhamdulillah kini 50 peserta PPP di FELDA Semenchu mula menghantar hasil cili pada setiap Isnin dan Khamis di Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian."**

Menurutnya inovasi tersebut terhasil melalui perbincangan pihaknya dengan FELDA melalui Jabatan Pertanian Perikanan Ternakan (JPPT) untuk mewujudkan konsep tanaman selari dengan hasrat PPP yang berkehendakkan peneroka mengaplikasikan teknologi moden pertanian.

"Kotak fertigasi' adalah satu inovasi baharu yang ditambah



## Inovasi bertani guna



**PANAMAN** lada dalam 'kotak fertigasi' memberi hasil yang memuaskan.

baik daripada sistem fertigasi yang sedia ada. Berbanding dengan sistem fertigasi biasa 'kotak fertigasi' ini lebih mesra pengguna yang merangkumi sistem pengaliran dan pembajaan yang lebih ringkas serta mudah alih pada saiz yang kompak.

"Kotak ini mudah dipasang dan hanya memerlukan ruang yang minima. Ia didatangi dengan spesifikasi saiz yang tertentu iaitu 25 kaki x 3 kaki x 6 kaki yang mampu menampung 100 polibeg melalui sistem gantung.

"Ini secara tidak langsung membantu menyelesaikan masalah kekangan tapak juga kos yang dapat dikurangkan," katanya.





MOHAMAD Noralam (dua, kiri) menunjukkan kaedah penanaman di dalam polibeg.

otak fertigasi'



SALAH seorang peneroka yang terlibat dalam pertanian 'kotak fertigasi'.



MOHAMAD Noralam (kiri) memberi penerangan bagaimana sistem perpalpan yang digunakan dalam 'kotak fertigasi'.

## Jana pendapatan tambahan

MOHAMAD Noralam berkata, beberapa prototaip telah dibuat sebelum kaedah 'kotak fertigasi' dapat dihasilkan yang dalam masa sama membantu warga peneroka meningkatkan pendapatan antara RM200 ke RM300 sebulan.

Katanya, pihaknya mensasarkan kotak itu digunakan semua golongan penduduk sama ada di kawasan bandar mahupun desa yang mempunyai kadar ruang halaman yang sederhana mahupun kecil. "Kaedah ini sangat sesuai digunakan oleh golongan yang baru berkecimpung dalam bidang pertanian.

"Alhamdulillah kini 50 peserta PPP di FELDA Semenuh mula menghantar hasil cili pada setiap Isnin dan Khamis di Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP) di tempat kami dan secara tidak langsung dapat meningkatkan ekonomi mereka," katanya.

Noralam berkata, beliau juga berhasrat mendaftarkan



**Kami juga mempunyai 15 kakitangan tetap tidak termasuk kira-kira 10 peneroka dan penerokwati yang memberi khidmat sambilan di sini."**

'kotak fertigasi' dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dalam masa terdekat bagi memastikan ciptaan yang dihasilkan terpelihara.

Menceritakan lanjut berkenan latar belakangnya, Noralam berkata, dia mula berkecimpung dalam bidang pertanian fertigasi sejak tahun 2013 dengan 800 polibeg cili ditanam di belakang rumah ibu bapanya di FELDA Semenuh.

"Bermula dengan mengusahakan tapak fertigasi secara kecil-kecilan kemudian pernah menguruskan hampir 35,000 polibeg. Alhamdulillah kini kami sudah ada Pusat Sehati Fertigasi di FELDA Semenuh.

"Di pusat ini terdapat akademi latihan fertigasi, pusat jualan, pusat pengumpulan hasil pertanian myGap dan kebun fertigasi yang terletak di dalam satu tempat yang sama di felda ini.

"Kami juga mempunyai 15 kakitangan tetap tidak termasuk kira-kira 10 peneroka dan penerokwati yang memberi khidmat sambilan di sini," katanya.

Bagi Noralam apa yang diharapkan inovasi 'kotak fertigasi' yang dihasilkan dapat digunakan serta memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat, warga peneroka FELDA khususnya dan seluruh rakyat Malaysia umumnya yang terlibat dalam bidang pertanian.

